



## KENYATAAN MEDIA

### SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

#### LAPORAN SIASATAN EAIC INSIDEN KEKERASAN TERHADAP KLIEN DI PUSPEN OLEH AADK

**UNTUK SIARAN SEGERA**  
**11 JULAI 2025**

---

EAIC telah menerima aduan terhadap pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) berhubung kejadian pukul dan kecederaan yang dialami oleh seorang klien ketika menjalani pemulihan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Negeri Pahang, pada tahun 2024. Siasatan ini dijalankan berdasarkan kepada aduan yang diterima mengikut subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

#### **HASIL SIASATAN**

- (i) Siasatan mendapati wujud keterangan dan bukti yang menjurus kepada kejadian pukul tersebut berlaku sehingga menyebabkan kecederaan terjadi ke atas klien yang sedang menjalani rawatan pemulihan di pusat tersebut; dan
- (ii) wujud kemungkinan unsur penyembunyian oleh pihak PUSPEN terhadap kejadian tersebut kerana pemakluman berkenaan dengan kecederaan oleh klien tersebut dibuat dalam tempoh masa yang tidak munasabah kepada pihak Ibu Pejabat AADK.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk:

- (i) merujuk hasil siasatan melibatkan pertama di atas kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) selaras dengan peruntukan perenggan 30(1)(c) Akta 700 dengan cadangan untuk siasatan jenayah menurut seksyen 324 Kanun Keseksaan [Akta 574] atau mana-mana seksyen berkaitan dibuat ke atas suspek yang terlibat;
- (ii) merujuk hasil siasatan melibatkan kedua di atas Pihak Berkuasa Tatatertib AADK untuk syor hukuman tatatertib terhadap pegawai terbabit di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993], susulan kesalahan ingkar perintah sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan 4(2)(i) peraturan yang sama; dan
- (iii) mengesyorkan pemasangan CCTV dibuat di dalam kawasan PUSPEN bagi memastikan keselamatan klien yang menjalani pemulihan.

**#TAMAT#**

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)  
PUTRAJAYA**